


Ahli Parlimen PH diberi taklimat isu semasa, Perkara 125

BERITA HARIAN 15 JUL 2025

m/s: 4

Anwar bersama Azalina beri penerangan lebih dua jam di Kompleks Seri Perdana

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my



Beberapa kenderaan membawa Ahli Parlimen PH memasuki pekarangan Kompleks Seri Perdana.

Putrajaya: Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) diberi taklimat lebih dua jam, mengenai pelbagai isu semasa yang menyelubungi negara ketika ini, termasuk kontroversi berkait badan kehakiman.

Dalam perjumpaan di Kompleks Seri Perdana itu, mereka mendengar penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, berkata tumpuan taklimat itu terarah kepada Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan adalah berhubung pelantikan, pemecatan dan syarat perkhidmatan Hakim Mahkamah Persekutuan, Rayuan dan Tinggi.

"Azalina hadir memberi penjelasan mengenai perkara berkaitan Perlembagaan Persekutuan terutama Perkara 125.

"Ada juga mengenai pembentukan tribunal di antara hakim dan beberapa perkara berkaitan, itu sahaja," katanya ketika ditemui selepas perjumpaan itu.

Sementara itu, Ahli Parlimen Hulu Langat, Mohd Sany Hamzan, yang menghadiri perjumpaan itu, berkata berdasarkan taklimat yang disampaikan, isu pelantikan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan dijangka selesai dalam tempoh terdekat.

Perjelas prosedur pelantikan

Beliau berkata, isu berkenaan dituntut Perdana Menteri yang turut menjelaskan mengenai prosedur pelantikan terbabit yang perlu dipatuhi.

"Itu semua perkara yang memabitkan kepentingan kepada pemerintah dan memerlukan kelulusan daripada Majlis Raja-Raja serta perlu melalui prosedur yang telah ditetapkan.

"Contohnya, dalam isu pelantikan hakim, ia perlu melalui Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) untuk bersidang, angkat nama kepada Perdana Menteri, kemudian Perdana Menteri persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Seterusnya, Agong akan berbincang pula dengan Majlis Raja-Raja. Jadi (taklimat) banyak

berkisar mengenai hal itu, memberi pemahaman kepada kita semua," katanya kepada BH.

Sementara itu, sekurang-kurangnya dua Ahli Parlimen PH daripada PKR, tidak hadir pada pertemuan yang berlangsung semalam.

Bekas Menteri Alam Sekitar dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, yang juga Ahli Parlimen Setiawangsa, tidak hadir dengan alasan berada di Singapura untuk program yang sudah diatur lebih awal.

Bekas Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, yang juga Ahli Parlimen Pandan, dilaporkan oleh sebuah portal, tidak hadir kerana mendakwa sudah maklum mengenai penjelasan yang bakal disampaikan oleh Perdana Menteri selaku Pengerusi PH pada taklimat itu.

"Saya sudah maklum penjelasan itu sejak beberapa bulan lalu, saya jangkakan Perdana Menteri akan beri penjelasan sama. Sebelum ini isu itu belum capai suhu nasional, jadi penjelasan hanya diberikan kepada beberapa orang sahaja," katanya seperti dilaporkan.